

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

RHB Essential FlexiLink Plus

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil RHB Essential FlexiLink Plus. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Polisi insurans berkaitan pelaburan (ILP) ini menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan. Ia membayar manfaat kematian secara sekali gus (iaitu Jumlah yang Diinsuranskan Asas dan jumlah Nilai Dana) jika Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia dalam tempoh polisi. Apabila Orang yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) sebelum mencapai umur 70 tahun, manfaat HUMK (iaitu Jumlah yang Diinsuranskan) akan dibayar sekali gus dan polisi akan terus berkuatkuasa. Caj-caj insurans atas manfaat-manfaat lain yang masih berkuatkuasa, rider dan fi polisi akan terus ditolak sehingga tamat tempoh rider masing-masing atau polisi, mengikut mana-mana yang lebih awal.

Nilai dana ILP ini bergantung pada harga unit dana yang di mana bergantung pada prestasi dana yang anda pilih. Terdapat 6 dana yang sedia ada untuk pilihan anda, setiap dana mempunyai objektif-objektif pelaburan dan profil risiko yang berbeza:

- (i) **Dana TokioMarine-Enterprise**
Bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham berkualiti yang senarai dalam Bursa Malaysia dan bursa saham luar negara.
- (ii) **Dana TokioMarine-Bond**
Bertujuan untuk memberikan pengumpulan modal jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam sekuriti pendapatan tetap yang berkualiti.
- (iii) **Dana TokioMarine-Managed**
Satu dana yang diurus secara aktif bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham dan sekuriti pendapatan tetap melalui Dana TokioMarine-Enterprise dan Dana TokioMarine-Bond serta dalam mana-mana dana TokioMarine yang lain atau dana pihak ketiga yang mungkin ditawarkan pada masa hadapan.
- (iv) **Dana TokioMarine-Orient**
Bertujuan untuk meningkatkan modal dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif tunggal yang melabur secara terpilih dalam sekuriti, seperti ekuiti dan bon yang berkaitan, sama ada yang disenarai atau akan disenarai dalam pasaran ekuiti Asia yang bukan dari Jepun.
- (v) **TokioMarine-Dana Ikhtiar**
Bertujuan untuk memberikan gabungan yang seimbang bagi pendapatan dan modal yang berpotensi berkembang dengan melalui pelaburan dalam saham yang tersenarai dalam Bursa Malaysia atau bursa saham yang lain, saham tidak tersenarai dan sekuriti hutang Islam dan aset lain yang tidak memberi faedah yang boleh diterima di bawah prinsip Syariah. Namun begitu, Insurans Essential FlexiLink Plus bukan satu pelan yang mematuhi prinsip Syariah.
- (vi) **Dana TokioMarine-Luxury**
Melabur dalam Dana RHB Leisure, Lifestyle & Luxury yang berpotensi mencapai peningkatan modal berjangka panjang dengan melabur dalam ekuiti dan ekuiti berkaitan sekuriti yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang menyediakan barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam pasaran Riadah, Gaya Hidup dan Mewah, atau skim pelaburan kolektif yang mempunyai tujuan pelaburan yang sama.

Sila rujuk Risalah Fakta Dana untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang dana-dana pelaburan.

Polisi ini memberi opsyen premium tambahan seperti berikut:

- (i) **Premium Tambahan Tunggal**
Satu opsyen yang membolehkan anda membayar satu kali premium bagi meningkatkan nilai dana anda.
- (ii) **Premium Tambahan Berkala**
Satu opsyen yang membolehkan anda menentukan jumlah premium yang akan dibayar dengan kekerapan yang sama seperti premium asas untuk meningkatkan pulangan nilai dana anda.

Polisi ini boleh diserahkan pada bila-bila masa selepas ia mula berkuatkuasa. Nilai serahan adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana yang anda pilih.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang diberikan?

Polisi ini melindungi:

- (i) Kematian - RM <Jumlah> (iaitu Jumlah yang Diinsuranskan) tambah dengan jumlah nilai dana; dan
- (ii) HUMK* - RM <Jumlah> (iaitu Jumlah yang Diinsuranskan); dan
- (iii) Nilai serahan - Jumlah nilai dana; dan
- (iv) Manfaat Kematangan - Jumlah nilai dana.

Catatan:

* Manfaat HUMK akan tamat pada ulang tahun polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi berikut. Selepas tuntutan HUMK dibuat, Polisi akan terus berkuatkuasa dan caj insurans atas manfaat-manfaat lain atau rider-rider yang masih berkuatkuasa akan ditolak dengan sehingga tamat tempoh perlindungan rider-rider yang berkenaan atau Polisi, mengikut mana-mana yang lebih awal.

Maksimum jumlah yang diinsuranskan bagi HUMK tertakluk kepada RM8 juta bagi setiap hayat dibawah semua polisi yang dikeluarkan oleh kami.

Polisi ini juga dilampir bersama dengan rider berikut:

iAdvanced Critical Illness Income (12 Bulan)

iComprehensive Critical Illness

iHealth Income

iLife Waiver Plus

iPayor Waiver

Catatan: Sila rujuk Risalah Pendedahan Produk bagi rider yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat terperinci.

Dana-dana yang dipilih:

Dana-Dana	Peruntukan Dana (%)
<Dana yang dipilih>	<%>

Peringatan: Sila baca ilustrasi jualan yang merangkumi manfaat-manfaat produk dan objektif-objektif dana-dana berkaitan pelaburan. Adalah sangat penting supaya anda memilih pelan atau kombinasi dana-dana yang bersesuaian dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

Jika Orang yang Diinsuranskan berumur kurang daripada 5 tahun, jumlah yang diinsuranskan tertolak yang akan dibayar apabila berlakunya kematian Orang yang Diinsuranskan adalah seperti yang berikut:

Umur Ketika Kematian	Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan akan dibayar
30 hari hingga 1 tahun pada hari jadi berikut	20%
2 tahun pada hari jadi berikut	40%
3 tahun pada hari jadi berikut	60%
4 tahun pada hari jadi berikut	80%
5 tahun ke atas pada hari jadi berikut	100%

Tempoh: Sehingga berlakunya kematian Orang yang Diinsuranskan, serahan, kematangan atau apabila nilai-nilai unit pelaburan tidak mencukupi untuk membayar caj-caj yang dikenakan, mengikut mana-mana yang lebih awal.

3. Berapakah *premium yang perlu saya bayar?

Premium asas yang perlu anda bayar dan tempoh polisi akan berubah mengikut pengunderaitan kami

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar:

- RM <Jumlah> setiap tahun
- RM <Jumlah> setiap setengah tahun
- RM <Jumlah> setiap suku tahun
- RM <Jumlah> setiap bulan

Tempoh pembayaran premium: sehingga Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 90 pada hari jadi berikut.

Kami memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit-unit dalam dana(-dana) pelaburan yang telah anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada wakil jualan dan perbelanjaan lain kami. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada kadar peruntukkan yang ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

***Sila rujuk mukasurat 2 pada ilustrasi jualan bagi anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar.**

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

- Caj-caj insurans akan ditolak daripada nilai-nilai unit anda setiap bulan. Caj-caj insurans akan meningkat apabila umur anda meningkat.
- Fi polisi bulanan sebanyak RM8.50 perlu dibayar pada tarikh polisi berkuatkuasa dan setiap ulang bulan yang berikut ketika polisi masih berkuatkuasa bagi setiap mod pembayaran.
- Kecuali Institusi Pendidikan atau Persatuan Agama yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, premium yang perlu dibayar bagi polisi yang dimiliki oleh organisasi atau polisi yang diserahkan hak kepada organisasi adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan).
- Caj pengurusan dana (% daripada nilai dana setiap tahun)

Dana	Maksimum caj pengurusan Dana (%)	Caj semasa pengurusan Dana (%)
Dana TokioMarine-Enterprise	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Bond	1.00	0.50
TokioMarine-Dana Ikhtiar	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Managed	1.50	1.20
Dana TokioMarine-Orient	1.50	1.50
Dana TokioMarine-Luxury	1.50	1.50

Fi pertukaran dana: Tiada

- Komisen akan dibayar oleh Anda dan akan dibayar daripada premium. Sila rujuk komisen untuk Premium Asas dan Premium Tambahan** berikut:

Tahun Polisi	Premium Asas yang Dibayar (RM)	Komisen Dibayar		Premium Tambahan Dibayar** (RM)	Komisen Dibayar	
		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)		Peratusan Premium (%)	Amaun Sebenar (RM)
1	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
2	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
3	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
4	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
5	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
6	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
7	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
8	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
9	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
10	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>	<Jumlah>	<%>	<Jumlah>
Jumlah	<Jumlah>		<Jumlah>	<Jumlah>		<Jumlah>

**Jumlah daripada Premium Tambahan Berkala dan Premium Tambahan Terhad, jika ada.

Catatan:

Maklumat lanjut tentang fi-fi dan caj-caj untuk ILP telah diberikan dalam ilustrasi jualan. Semua fi dan caj adalah tidak dijamin dan akan disemak semula dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari awal kepada anda. Sebarang semakan yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Polisi yang seterusnya.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material seperti keadaan kesihatan (jika ada) dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi pemberitahuan secara bertulis kepada kami dan memulangkan dokumen polisi dalam tempoh masa 15 hari selepas dokumen polisi dihantar kepada anda. Apabila pembatalan polisi dibuat, kami akan memulangkan jumlah premium yang tidak diperuntukkan, nilai sebarang unit yang diperuntukkan pada harga unit pada tarikh penilaian seterusnya, dan sebarang caj insurans dan fi yang telah ditolak, tolak sebarang perbelanjaan yang telah kami tanggung (jika ada) semasa mengeluarkan polisi ini, dan polisi anda akan dibatalkan.
- Nilai dana - nilai dana untuk ILP ini bergantung kepada prestasi dana pelaburan yang dipilih. Dengan memilih tahap perlindungan insurans yang lebih tinggi, jumlah unit yang akan ditolak untuk membayar caj-caj insurans akan bertambah, unit yang dikekalkan untuk untuk mengumpul nilai dana akan berkurang di bawah polisi anda.
- Keluputan polisi - ILP ini akan luput apabila nilai-nilai unit pelaburan tidak mencukupi untuk membayar caj-caj insurans dan caj-caj lain.
- Caj insurans - Kami berhak untuk menyemak caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi anda sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari notis awal bertulis. Sebarang semakan yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Polisi seterusnya.
- Notis Tuntutan- notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kematian dan 6 bulan daripada tarikh HUMK.
- Penggantian polisi - penggantian polisi anda dengan polisi yang baru mungkin tidak menguntungkan. Syarat dan terma daripada polisi baru mungkin dikenakan jika taraf kesihatan semasa tidak memuaskan. Jikalau anda ingin berbuat demikian, kami mencadangkan supaya anda mendapatkan nasihat daripada kami sebelum membuat keputusan muktamad.

Catatan: senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk syarat dan terma di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Manfaat Kematian
 - bunuh diri dalam satu (1) tahun dari Tarikh Berkuatkuasa atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana-mana yang kemudian; atau
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
 - cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman); atau
 - kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol; atau
 - kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan; atau
 - sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial berjadual tetap); atau
 - pelayaran kapal selam; atau
 - perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik; atau
 - pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
 - sebarang bentuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi ini; atau
 - peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas; atau
 - keadaan yang sedia ada.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli ILP berpremium berkala merupakan satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda tidak digalakkan untuk memegang polisi ini untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Jika anda mendapati bahawa dana(-dana) yang anda pilih tidak lagi sesuai dengan anda, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana. Jumlah nilai yang akan kami bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum kematangan polisi akan kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar melainkan dana(-dana) yang dipilih mempunyai prestasi yang baik.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan alamat dan nombor telefon anda supaya memastikan semua surat-menyurat dapat diterima tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Aras bawah, Menara Tokio Marine Life

189, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Talian AM : 03-2059 6188

Faks : 03-2162 8068

Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999

E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila tanya kami/ wakil jualan kami untuk pelan yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PELABURAN DAN BUKAN SEJENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT BERSESUAIAN DENGAN RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI 'TOKOKAN'. PULANGAN DARI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 27/05/2025.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK iAdvanced Critical Illness Income

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil iAdvanced Critical Illness Income. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

iAdvanced CI menawarkan perlindungan penyakit kritikal yang komprehensif sehingga Orang yang Diinsuranskan berumur 65, pendapatan bulanan tetap untuk tempoh 12 bulan berturut - turut akan dibayar apabila Orang yang Diinsuranskan didiagnosis dengan mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi. Pelan ini akan ditamatkan secara automatik apabila 100% jumlah diinsuranskan rider telah dituntutan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Rider ini melindungi:

- Pendapatan bulanan tetap RM <Jumlah> untuk tempoh 12 bulan berturut - turut apabila Orang yang Diinsuranskan didiagnosis dengan mana - mana penyakit kritikal yang dilindungi.

Jadual Penyakit Kritikal

No.	Penyakit Kritikal	No.	Penyakit Kritikal
1.	Penyakit Alzheimer / Dementia Teruk	25.	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
2.	Sindrom Apallic (<i>iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan</i>)	26.	Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
3.	Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27.	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
4.	Tumor Otak Benign - keterukan tertentu	28.	Hilang Keupayaan Bertutur
5.	Buta - Kekal dan Tidak boleh Pulih	29.	Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
6.	Pembedahan Otak	30.	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
7.	Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	31.	Penyakit Sistik Medular
8.	Kardiomiopati - keterukan tertentu	32.	Penyakit Neuron Motor - defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
9.	Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	33.	Sklerosis Multipel
10.	Hepatitis Autoimun Kronik	34.	Distrofi Otot
11.	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	35.	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan
12.	Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	36.	Kelumpuhan Anggota
13.	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	37.	Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
14.	Penyakit Creutzfeldt-Jakob	38.	Poliomielitis
15.	Pekak - Kekal dan Tidak boleh pulih	39.	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu
16.	Demam Hemorrhagic Ebola	40.	Skleroderma Progresif
17.	Elefantiasis	41.	Penyakit Arteri Koronari Serius
18.	Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	42.	Sindrom Eisenmenger Teruk
19.	Kegagalan Hati Tahap Akhir	43.	Strok/Angin Ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
20.	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	44.	Pembedahan Aorta
21.	AIDS Dengan Gejala Penuh	45.	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
22.	Hepatitis Viral Fulminan	46.	Penyakit Terminal
23.	Serangan Jantung - keterukan tertentu	47.	Kelecuman Tahap Ketiga - keterukan tertentu
24.	Pembedahan Injap Jantung		

Sila rujuk kontrak polisi untuk penerangan terperinci mengenai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah Rider ini.

***Catatan:**

Jika Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia selepas permulaan pembayaran bulanan, baki-baki bayaran pendapatan bulanan (jika ada) akan dibayar secara sekaligus. Tempoh Perlindungan: Sehingga berlakunya penamatan pelan asas/ rider, pembayaran penuh 100% jumlah rider yang diinsuranskan atau tamat tempoh rider, tertakluk kepada yang mana lebih awal.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Ini adalah rider potongan unit. Sila rujuk ilustrasi jualan bagi maklumat terperinci.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Caj insurans rider ini akan meningkat berikutan dengan peningkatan umur anda dan ia akan ditolak setiap bulan daripada nilai dana anda.

Maklumat terperinci berkenaan dengan caj insurans rider ini ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

***Catatan:**

- Caj Insurans untuk rider ini adalah tidak dijamin dan mungkin akan menambah semasa pembaharuan. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans dengan memberi notis 90 hari awal kepada anda. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut hanya akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi seterusnya.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material seperti keadaan kesihatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh pertimbangan - anda boleh membatalkan rider ini memulangkan dokumen rider ini dalam tempoh masa 15 hari selepas penghantaran dokumen rider kepada anda. Selepas itu, kami akan memulangkan caj insurans rider yang anda bayar, tolak sebarang fi perubahan yang telah kami menanggung semasa mengeluarkan rider ini.
- Tempoh penungguan:- Kelayakan manfaat Rider ini hanya akan bermula:
 - (i) 60 hari untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu), dan Penyakit Arteri Koronari Serius.
 - (ii) 30 hari untuk penyakit kritikal lain yang dilindungi.
 daripada Tarikh Berkuatkuasa atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada yang mana lebih kemudian.
- Nilai dana - nilai dana pelan asas bergantung kepada prestasi pelaburan yang dipilih. Semakin tinggi perlindungan insurans yang dipilih, semakin banyak unit yang akan ditolak untuk pembayaran caj insurans dan semakin kurang unit yang akan digunakan atas pengumpulan nilai dana dalam polisi anda
- Polisi Luput - Rider ini akan ditamatkan jika pelan asas telah luput disebabkan oleh ketidakcukupi nilai unit pelaburan untuk pembayaran caj insurans dan caj lain.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah rider ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

Tiada sebarang manfaat akan dibayar jika:

- apa-apa penyakit atau pembedahan selain daripada diagnosis atau pembedahan untuk kejadian penyakit kritikal yang ditakrifkan seperti berikut;
- tanda-tanda atau simptom Penyakit Kritikal yang ditakrifkan dapat dilihat dengan jelas sebelum atau:
 - (i) dalam enam puluh (60) hari untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu) dan Penyakit Arteri Koronari Serius; atau
 - (ii) dalam tiga puluh (30) hari untuk semua Penyakit Kritikal lain;
 dari Tarikh Pengeluaran atau Pengembalian Semula rider ini, mengikut mana yang lebih kemudian;
- penyakit kritikal yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Penyakit Sedia Ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada yang mana lebih lewat. Penyakit Sedia Ada bermaksud apa-apa kejadian atau penyakit:-
 - (i) Orang yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
 - (ii) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
 - (iii) simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata; atau
 - (iv) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.
- keadaan penyakit kritikal di mana pada pendapat kami adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau Jangkitan akibat Penyakit Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami berhak untuk menghendaki Orang yang Diinsuranskan untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat sebelum menerima apa-apa tuntutan. Kejadian penyakit kritikal mengenai Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah atau AIDS Dengan Gejala Penuh adalah dikecualikan.
 - (i) takrifan AIDS hendaklah sebagaimana yang digunakan oleh World Health Organization pada tahun 1987, atau sebarang pengubahsuaian atas definisi tersebut oleh World Health Organization.
 - (ii) Jangkitan dianggap telah berlaku apabila pada pendapat kami ujian darah dan ujian lain yang berkaitan menunjukkan kewujudan Virus Kurang Daya Tahan Manusia atau Antibodi terhadap Virus tersebut.
- apa-apa penyakit kritikal yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh suatu kecacatan kongenital atau penyakit yang didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan berumur tujuh belas (17) tahun; atau
- apa-apa penyakit kritikal yang diakibatkan oleh kecederaan diri yang disengajakan; atau
- apa-apa penyakit kritikal di bawah pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan; atau
- Orang yang Diinsuranskan tidak bersetuju untuk menjalani rawatan atau menentang nasihat doktor pakar; atau
- Orang yang Diinsuranskan hidup kurang daripada tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis kejadian penyakit kritikal yang dilindungi.

Catatan: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk polisi kontrak untuk mendapatkan senarai pengecualian yang menyeluruh dalam pelan ini.

7. Bolehkah saya batalkan rider ini?

Anda boleh membatalkan Rider ini dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, perlindungan akan diberikan sehingga hari sebelum caj insurans bulanan seterusnya perlu dibayar.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan alamat dan nombor telefon anda supaya memastikan semua surat-menyurat dapat diterima tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari www.rhbgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.

Aras bawah, Menara Tokio Marine Life

189, Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Talian AM : 03-2059 6188

Faks : 03-2162 8068

Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999

E-mel : customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan?

Sila tanya kami/ wakil jualan kami untuk pelan yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

ANDA HARUSLAH MEMASTIKAN BAHAWA PELAN INI DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU BERHUBUNG DENGAN KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 27/05/2025.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

iComprehensive Critical Illness

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil iComprehensive Critical Illness. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

iComprehensive CI merupakan rider potongan unit yang menawarkan perlindungan penyakit kritikal komprehensif daripada Penyakit Kritikal Peringkat Awal ke Penyakit Kritikal Peringkat Akhir sehingga Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 85 tahun, tertakluk kepada kemampunan Nilai Dana. Rider ini akan membayar suatu peratusan tertentu daripada jumlah yang diinsuranskan rider secara sekaligus apabila Orang yang Diinsuranskan didiagnosis dengan sebarang penyakit kritikal yang dilindungi. Pelan ini akan ditamatkan secara automatik selepas tuntutan kedua daripada Peringkat Awal atau tuntutan pertama daripada Peringkat Akhir.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Rider ini melindungi:

- Manfaat Penyakit Kritikal (Peringkat Awal and Peringkat Akhir) - sehingga RM <Jumlah> , sila rujuk jadual penyakit kritikal berikut.
- Manfaat Tambahan - RM <Jumlah> akan dibayar jika Orang yang Diinsuranskan menjalani Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.
- Manfaat Pemulihan Kesihatan - Tambahan - RM <Jumlah> akan dibayar berikutan dengan tuntutan pertama atas Manfaat Penyakit Kritikal (Peringkat Awal & Peringkat

Akhir). **Jadual Penyakit Kritikal**

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Keadaan Penyakit Kritikal	
		Peringkat Awal (50%)	Peringkat Akhir (100%)
1.	AIDS	HIV disebabkan Pemindahan Organ	AIDS Dengan Gejala Penuh
2.	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	Penyakit Alzheimer Awal	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
3.	Anaemia	- Anaemia Aplastik Boleh Pulih - Sindrom Mielodisplastik atau mielofibrosis	Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
4.	Sindrom Apallic (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)	Tiada	Nekrosis menyeluruh korteks otak dengan pangkal otak tidak terjejas. Diagnosis ini mestilah disahkan oleh pakar perunding neurologi berdasarkan temu janji yang dilakukan di hospital yang dibenarkan. Keadaan ini mestilah didokumenkan dari segi perubahan sekurang-kurangnya satu (1) bulan.
5.	Meningitis Bakteria	Meningitis Bakteria dengan Pemilihan Penuh	Meningitis Bakteria - <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
6.	Buta	- Kehilangan Penglihatan Satu Mata - Atrofi Saraf Optik - Retinitis Pigmentosa	Buta - <i>Kekal dan Tidak boleh Pulih</i>
7.	Pembedahan Otak	- Pembedahan untuk Subdural Haematoma - Pembedahan Trombosis Sinus Kavernus - Selitan Pintasa Serebrum	Pembedahan Otak
8.	Tumor Otak	- Pembedahan Membuang Tumor Pituitari - Eksisi Pembedahan Spinal Meningioma	Tumor Otak Benign - <i>keterukan tertentu</i>
9.	Kelecuman	- Kelecuman Ringan - Kelecuman Sederhana	Kelecuman Tahap Ketiga - <i>keterukan tertentu</i>
10.	Kanser	- Karsinoma in situ - Kanser Prostat Awal - Kanser Tiroid Awal - Kanser Pundi Kencing Awal - Leukaemia Limfotik Kronik Awal	Kanser - <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i>
11.	Kardiomiopati	Kardiomiopati Hipertrofik	Kardiomiopati - <i>keterukan tertentu</i>

12.	Hepatitis Autoimun Kronik	Tiada	Gangguan hati nekro-radang kronik yang tidak diketahui sebabnya dan berkaitan dengan auto-antibodi yang beredar dan tahap globulin serum yang tinggi. Diagnosis mesti berdasarkan semua kriteria berikut: (a) Hipergammaglobulinaemia; (b) Kehadiran sekurang-kurangnya salah satu auto-antibodi berikut: i. Antibodi anti-nuklear; ii. Antibodi otot anti-lisin; iii. Antibodi anti-aktin; iv. Antibodi anti-LKM-1; v. Antibodi anti-LC1; atau vi. Antibodi anti-SLA/LP (c) Pengesahan biopsi hati mengenai diagnosis hepatitis auto-imun. Ini hanya dilindungi jika Orang Yang Diinsuranskan telah menjalani terapi imunosupresif berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan diagnosis mesti disahkan oleh pakar gastroenterologi atau hepatologi.
13.	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	Tiada	Lebih daripada tiga (3) serangan pankreas yang mengakibatkan ketidakfungsian pankreas kekal yang menyebabkan serapan nutrien tidak sempurna sehingga memerlukan terapi penggantian enzim. Diagnosis mestilah dibuat oleh seorang pakar perunding gastroenterologi dan disahkan dengan Kolangiopankreatografi Retrograd Endoskopik (ERCP). Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik disebabkan pengambilan alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah dikecualikan.
14.	Koma	- Koma selama 48 jam - Epilepsi Teruk	Koma - <i>mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan</i>
15.	Pembedahan Pintas Arteri Koronari	- Perikardektomi atau Pembedahan Kardiak Lubang Kunci - Pembedahan Laser Transmiokardial atau Penggunaan Alat Kaunter Degupan Luaran Ditingkatkan - Cantuman Pintas Arteri Koronari - Langsung Invasif Minimal (MIDCAB)	Pembedahan Pintas Arteri Koronari
16.	Penyakit Creutzfeldt-Jakob	Tiada	Penyakit Creutzfeldt-Jakob atau varian Penyakit Creutzfeldt-Jakob berlaku apabila terdapat defisit berkaitan neurologi, disertai dengan tanda-tanda dan gejala ketidakfungsian cerebellar, demensia progresif yang teruk, kekejangan otot yang tidak terkawal, gegaran dan athetosis yang menyebabkan Orang yang Diinsuranskan hilang upaya kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Kegiatan Kehidupan Harian yang disenaraikan. Keadaan ini mestilah didokumenkan dari segi perubahan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan disahkan pakar perunding neurologi dengan ujian keputusan Elektroensefalografi (EEG) dan Saringan Cecair Serebrospina (CSF) yang muktamad serta imbasan Tomografi Berkomputer (CT) dan Pengimejan Resonan Magnet (MRI). Sakit disebabkan rawatan hormon tumbesaran manusia adalah dikecualikan.
17.	Pekak / Hilang Pendengaran	- Kehilangan pendengaran separa - Pembedahan Implan Koklear	Pekak - <i>Kekal dan Tidak boleh pulih</i>
18.	Demam Hemorrhagic Ebola	Tiada	Jangkitan dengan virus Ebola yang menyebabkan demam dan pendarahan dalaman atau luaran. Semua kriteria berikut mesti dipenuhi: (a) Kehadiran virus Ebola telah disahkan oleh ujian makmal; (b) Pendarahan mukosa atau gastrousus telah berlaku; dan (c) Diagnosis Demam Hemorrhagic Ebola mesti disahkan oleh pakar perubahan.



19.	Elefantiasis	Tiada	Elefantiasis diakibatkan dan komplikasi daripada filariasis, dicirikan dengan pembengkakan besar pada tisu dalam badan disebabkan gangguan kekal peredaran dalam salur limfa, menyebabkan Orang yang Diinsuranskan hilang upaya kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Kegiatan Kehidupan Harian yang disenaraikan. Diagnosis Elefantiasis yang jelas mestilah disahkan secara klinikal oleh seorang pakar untuk penyakit berjangkit atau pakar dalam bidang yang relevan, termasuklah pengesahan makmal bagi mikrofilaria. Limfoedema disebabkan jangkitan daripada penyakit melalui hubungan seks, trauma, parut selepas pembedahan, kegagalan jantung kongestif atau keabnormalan system limfa kongenital adalah dikecualikan.
20.	Ensefalitis	Ensefalitis dengan Pemulihan Penuh	Ensefalitis - <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
21.	Hepatitis Virus Fulminan	Hepatitis B atau C Jangkitan Pekerjaan	Hepatitis Virus Fulminan
22.	Trauma Kepala	- Pembedahan Membentuk Semula Wajah - Trauma Kepala Ringan	Trauma Kepala Major (teruk) - <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
23.	Serangan Jantung	- Penyisipan Perentak Kardiak - Penyisipan Defibrilator Jantung - Serangan Jantung Kurang Teruk	Serangan Jantung - <i>keterukan tertentu</i>
24.	Pembedahan Injap Jantung	Valvuloplasti Kardiak Perkutaneus / Valvotomi	Pembedahan Injap Jantung
25.	HIV	Tiada	- Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah - Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan
26.	Kegagalan Buah Pinggang	- Pembedahan Membuang Satu Buah Pinggang - Penyakit Buah Pinggang Kronik	Kegagalan Buah Pinggang - <i>memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang</i>
27.	Penyakit Hati	- Pembedahan Hati - Pembedahan Membina Semula Saluran Biliari - Sirosis Hati - Kolangitis Sklerosis Utama Kronik	Kegagalan Hati Tahap Akhir
28.	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	Tiada	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
29.	Kehilangan Pertuturan	Kehilangan Pertuturan (selain daripada kecederaan atau penyakit pada peti suara)	Hilang Keupayaan Bertutur
30.	Penyakit Paru-paru	- Asma Teruk - Trakeostomi Kekal (atau Sementara) - Pembedahan Membuang Satu Paru-paru	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
31.	Penyakit Medulari Sistik	Glomerulonefritis Teruk	Penyakit Sistik Medular
32.	Penyakit Neuron Motor	Penyakit Neuron Motor Awal	Penyakit Neuron Motor - <i>defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan</i>
33.	Sklerosis Berganda	Sklerosis Berganda Awal	Sklerosis Multipel
34.	Distrofi Otot	Tiada	Distrofi Otot

35.	Pemindahan Organ	- Pemindahan Usus Kecil - Pemindahan Kornea	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
36.	Penyakit Arteri Koronari Serius	Penyakit Koronari Arteri Awal	Penyakit Arteri Koronari Serius
37.	Kelumpuhan	- Hilang Penggunaan Satu Anggota - Penyakit Saraf Tunjang atau Kecelakaan yang menyebabkan Disfungsi dalam Usus dan Pundi Kencing	Kelumpuhan Anggota
38.	Penyakit Parkinson	Penyakit Parkinson Awal	Penyakit Parkinson - <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>
39.	Poliomielitis	Tiada	Poliomielitis berlaku apabila keadaan berikut dipenuhi: (i) Virus polio dikenal pasti sebagai punca; dan (ii) Kelumpuhan otot anggota badan atau otot pernafasan mestilah berlaku dan berterusan sekurang-kurangnya selama tiga (3) bulan.
40.	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	- Hipertensi Pulmonari Kedua - Kelas III - Penyisipan Penapis Vena Kava	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - <i>keterukan tertentu</i>
41.	Skleroderma Progresif	Tiada	Penyakit vaskular-kolagen sistemik yang menyebabkan penyebaran fibrosis dengan progresif dalam kulit, saluran darah dan organ viseral. Diagnosis ini mestilah disokong jelas dengan bukti biopsi dan serologi serta gangguan tersebut mestilah telah mencapai perkadaran sistemik yang melibatkan jantung, paru-paru atau buah pinggang. Perkara berikut adalah dikecualikan: (i) Skleroderma setempat (skleroderma linear atau morfea); (ii) Eosinofili fasitis; dan (iii) Sindrom CREST.
42.	Sindrom Eisenmenger Teruk	Tiada	Sindrom Eisenmenger bermaksud terjadinya shunt terbalik atau dua arah akibat hipertensi pulmonari, yang disebabkan oleh gangguan jantung. Semua kriteria berikut mesti dipenuhi: (a) Kehadiran kemerosotan fizikal kekal yang diklasifikasikan sebagai NYHA IV; dan (b) Diagnosis Sindrom Eisenmenger dan tahap kemerosotan fizikal mesti disahkan oleh pakar kardiologi.
43.	Strok	- Pembedahan Arteri Karotid - Pembedahan Aneurisme Otak	Strok/Angin Ahmar - <i>mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan</i>
44.	Pembedahan Aorta	- Asimptomatik Aortik Aneurisme atau Diseksi Besar - Pembedahan Invasif Minimal pada Aorta	Pembedahan Aorta
45.	Lupus Eritematosus Sistemik	Lupus Eritematosus Sistemik	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
46.	Penyakit Terminal	Tiada	Penyakit Terminal (Membawa Maut)

***Catatan:**

- (i) Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk mendapatkan penerangan yang lanjut mengenai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini.
 - (ii) Manfaat Penyakit Kritikal Peringkat Akhir yang akan dibayar adalah 100% daripada jumlah yang diinsuranskan rider, tolak dengan tuntutan yang telah dibayar untuk Penyakit Kritikal Peringkat Awal jika:
 - Peringkat Awal dan Peringkat Akhir adalah daripada Kategori Penyakit Kritikal yang sama.
 - Peringkat Akhir didiagnosis dalam tempoh 90 hari daripada diagnosis Peringkat Awal.
 - (iii) Orang yang Diinsuranskan hanya dibenarkan untuk membuat satu tuntutan atas Penyakit Kritikal di bawah Peringkat Akhir.
- Tempoh: Sehingga berlakunya penamatan pelan asas/ rider, selepas tuntutan kedua daripada Penyakit Kritikal Peringkat Awal, tuntutan pertama daripada Penyakit Kritikal Peringkat Akhir atau Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 85, tertakluk kepada yang mana lebih awal.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Ini adalah rider potongan unit. Sila rujuk ilustrasi jualan bagi maklumat terperinci.

4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?

Caj insurans rider ini akan meningkat berikutan dengan peningkatan umur anda dan ia akan ditolak setiap bulan daripada nilai unit anda. Maklumat terperinci berkenaan dengan caj insurans rider ini ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

*Catatan:

- Caj insurans bagi rider ini tidak dijamin dan mungkin meningkat semasa pembaharuan. Kami berhak untuk mengubahsuai caj ini dengan memberi sekurang-kurangnya 90 hari notis pemberitahuan kepada pemegang polisi sebelum ulang tahun polisi berikutnya.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material seperti keadaan kesihatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh pertimbangan - anda boleh membatalkan rider ini dengan memberi notis bertulis kepada kami dan memulangkan dokumen rider dalam tempoh masa 15 hari selepas dokumen rider dihantar kepada anda. Selepas itu, kami akan memulangkan caj insurans rider yang telah anda bayar dengan sepenuhnya, tolak sebarang fi perubahan yang telah kami menanggung semasa mengeluarkan rider ini.
- Tempoh penungguan:-
 - Manfaat atas Penyakit Kritikal Peringkat Awal dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari hanya dilayakkan 60 hari selepas Tarikh Berkuat kuasa atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada yang mana lebih kemudian.
 - Manfaat atas Penyakit Kritikal Peringkat Akhir hanya dilayakkan 60 hari selepas Tarikh Berkuat kuasa atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada yang mana lebih kemudian untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu), dan Penyakit Arteri Koronari Serius;
- Nilai dana - nilai dana pelan asas bergantung kepada prestasi pelaburan yang dipilih. Semakin tinggi perlindungan insurans yang dipilih, semakin banyak unit yang akan ditolak untuk pembayaran caj insurans dan semakin kurang unit yang akan digunakan atas pengumpulan nilai dana dalam polisi anda
- Polisi luput - Rider ini akan ditamatkan jika pelan asas telah luput disebabkan ketidakcukup nilai unit pelaburan untuk pembayaran insurans dan caj.

Catatan: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah rider ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

- apa-apa penyakit atau pembedahan selain daripada diagnosis atau pembedahan untuk kejadian penyakit kritikal yang ditakrifkan seperti berikut;
- apa-apa penyakit atau pembedahan di mana penyakit kritikal yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Penyakit Sedia Ada yang wujud sebelum Tarikh Berkuatkuasa atau Tarikh Pengembalian Semula, tertakluk kepada yang mana lebih kemudian. Keadaan Sedia Ada bermaksud apa-apa kejadian atau penyakit di mana:-
 - i) Orang yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
 - ii) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
 - iii) simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata; atau
 - iv) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.
- apa-apa penyakit atau pembedahan di mana keadaan penyakit kritikal di mana pada pendapat kami adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan Manusia (AIDS) atau jangkitan akibat Penyakit Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami berhak untuk menghendaki Orang yang Diinsuranskan untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat sebelum menerima sebarang tuntutan. Kejadian penyakit kritikal mengenai HIV disebabkan Pemindahan Organ, AIDS Dengan Gejala Penuh, Jangkitan HIV melalui transfusi Darah atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia(HIV) Akibat Pekerjaan adalah dikecualikan.
- apa-apa penyakit kritikal yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh suatu kecacatan kongenital atau penyakit yang didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan berumur tujuh belas (17) tahun;
- apa-apa penyakit kritikal yang diakibatkan oleh kecederaan diri yang disengajakan;
